

2 tahun lagi di bawah Najib, Malaysia jadi negara gagal
Malaysian Insider
Feb 29, 2016

Cabaran terbesar Malaysia adalah mengelak daripada menjadi "negara gagal" ekoran rasuah dan kejatuhan tadbir urusnya akibat pelanggaran demokrasi, kedaulatan undang-undang, kebebasan bersuara dan egalitarianisme, kata Lim Kit Siang.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu berkata, persoalan sekarang ialah sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak perlu mentadbir negara selama 2 tahun lagi.

"Umno dan Barisan Nasional akan datang di bawah kepimpinan Najib tidak boleh menjadi lebih lemah dan lebih terdedah.

"Tetapi ini bukanlah demi kepentingan terbaik negara, kerana Malaysia akan jatuh lebih lagi dalam tempoh 2 tahun akan datang ke arah kegagalan" katanya pada majlis makan malam DAP Pulau Pinang meraikan ulang tahun ke-50 parti itu dan ulang tahun ke-75 Lim di Dewan Sekolah Hang Chiang malam tadi.

Beliau berkata kedudukan Najib dalam politik semakin kukuh walaupun beliau membawa negara hingga menduduki tempat ke-3 di dunia dalam carta "skandal rasuah paling teruk 2015", jatuh 4 anak tangga dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International tahun lalu.

Ia adalah kerana kontroversi yang dikaitkan dengan syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan sumbangan RM2.6 bilion didepositkan ke dalam akaun beliau.

"Skandal mega kembar" itu juga menjadi disiasat Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dan 7 negara, termasuk Singapura, Switzerland, Perancis dan Hong Kong.

"Najib seolah-olah menjadi lebih kuat dari segi politik, dengan tindakan keras terhadap kebebasan demokrasi dan hak asasi manusia seperti tindakan baru-baru ini terhadap The Malaysian Insider walaupun imej dan kredibiliti beliau tidak pernah sebegini rendah bagi seorang perdana menteri Malaysia, sama ada di peringkat negara atau antarabangsa.

"Mereka yang di luar koridor kuasa juga dalam dilema bagaimana hendak keluar daripada kebuntuan politik ini bagi menghalang perdana menteri yang tidak disukai daripada mengheret negara ke arah sebuah negara gagal dan penyangak," kata Lim.

Katanya, sepanjang tahun lalu, beliau menyokong kempen "Selamatkan Malaysia" sebagai penyelesaian yang turut dipersetujui bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Malah Dr Mahathir pun nampaknya bersetuju dengan cara itu pada mulanya, iaitu cara terbaik ialah negara mempunyai 2 parti politik kerana ini akan memastikan salah satu daripadanya akan menang majoriti untuk membentuk kerajaan dan ke-2, semua

orang perlu bertindak sebagai rakyat patriotik, tanpa mengira fahaman parti atau kesetiaan, untuk menyelamatkan negara daripada menuju ke arah kebinasaan.

"Adakah negara ini bersedia untuk penjajaran semula kuasa politik progresif dan patriotik menyelamatkan Malaysia dan untuk terus percaya kepada wawasan satu Malaysia yang bersatu, inklusif, sederhana, demokratik dan makmur?"

"Minggu-minggu akan datang kita akan berusaha menjawab soalan ini." – 29 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/2-tahun-lagi-di-bawah-najib-malaysia-jadi-negara-gagal>